

LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
JOHOR PORT LOGISTICS SDN. BHD.
(ANAK SYARIKAT JOHOR PORT BERHAD)
PASIR GUDANG, JOHOR

ASFALIZA BINTI MOHD YATIM

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

JABATAN EKOLOGI SOSIAL
FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
KOLEJ UNIVERSITI SAINS DAN TEKNOLOGI MALAYSIA

2006

1100045542

Perpustakaan
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM)

L1 S FPE 2 2006



A circular red stamp with the text "Institut Teknologi Sepuluh Nopember" around the perimeter and "Pengembangan" in the center.

1100045542

Laporan akhir latihan industri di Johor Port Logistics Sdn.Bhd.
(Anak Syarikat Johor Port Berhad) Pasir Gudang, Johor /
Asfaliza Mohd Yatim.

PERPUSTAKAAN

**KOLEJ UNIVERSITI SAINS & TEKNOLOGI MALAYSIA
21030 KUALA TERENGGANU**

1100045542

1100045542

Lihat sebelah

HAK MILIK
PERPUSTAKAAN KUSTEM

**LAPORAN AKHIR LATIHAN INDUSTRI DI
JOHOR PORT LOGISTICS SDN. BHD.
(ANAK SYARIKAT JOHOR PORT BERHAD)
PASIR GUDANG, JOHOR**

Oleh

**ASFALIZA BINTI MOHD YATIM
SARJANA MUDA PENGURUSAN
(POLISI DAN SEKITARAN SOSIAL)**

Laporan Latihan Industri Diserahkan Kepada

Pensyarah Latihan Industri
Fakulti Pengurusan dan Ekonomi
Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia
(KUSTEM)

2006

1100045542

PENGESAHAN PERAKUAN KEASLIAN LAPORAN

Dengan ini saya **ASFALIZA BINTI MOHD YATIM (UK 9762)** mengaku bahawa laporan Latihan Industri bagi kursus **SOS 4299** adalah hasil usaha saya sendiri. Segala bentuk penulisan yang terkandung dalam laporan ini adalah merupakan pandangan dan pendapat saya yang berdasarkan kepada pengaplikasian teori dan pengalaman yang dipelajari semasa menjalani Latihan Industri semata-mata. Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE) KUSTEM tidak terikat dengan isi kandungan laporan tersebut.


Tandatangan,



Nama : Asfaliza Binti Mohd Yatim (9762)

Tarikh : 14 NOVEMBER 2006 .

Disahkan oleh :



Pn. Ruzaini Binti Sulaiman

Penyelia KUSTEM

Fakulti Pengurusan dan Ekonomi

(KUSTEM)

PENGHARGAAN

Assalamualaikum...

Syukur Alhamdulillah ke hadrat Yang Maha Esa dengan izin dan limpah kurnia-Nya, saya telah berjaya menyiapkan laporan Latihan Industri dengan baik dan lengkap. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih pada Pn. Ruzaini Binti Sulaiman, Pensyarah Jabatan Ekologi Sosial dan selaku penyelia industri bagi pihak Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM) kerana beliau telah memberi tunjuk ajar yang sebaik mungkin dalam menyiapkan laporan ini dan turut memberi panduan kepada saya semasa menjalani Latihan Industri.

Ucapan penghargaan terima kasih juga ditujukan kepada pihak Johor Port Berhad dan serta anak syarikatnya iaitu Johor Port Logistics Sdn. Bhd. kerana sudi menerima saya sebagai salah seorang pelajar Latihan Industri di syarikat ini. Saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua kakitangan JP Logistics Sdn.Bhd yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan perhatian yang baik kepada saya sebagai pelatih Latihan Industri di sini terutama sekali kepada kakitangan Jabatan Sumber Manusia. Ucapan penghargaan khas kepada En. Syed Fadzlon Hussaini selaku penyelia di organisasi kerana banyak memberi tunjuk ajar dan memberi peluang untuk saya belajar di sini. Tidak lupa juga kepada Puan Marziana Binti Abd. Aziz dan Cik Raja Shahida Binti Raja Omar yang turut membantu saya dalam melaksanakan Latihan Industri ini.

Seterusnya penghargaan ini ditujukan kepada keluarga tercinta yang telah banyak memberi dorongan dan semangat dalam masa saya menjalani Latihan Industri sehingga sekarang. Juga kepada sahabat seperjuangan yang telah banyak membantu dan sama-sama berjuang untuk merealisasikan impian masa hadapan.

Sekian Terima Kasih....

Wassalam.

ISI KANDUNGAN

PENGESAHAN KEASLIAN	i
PENGHARGAAN	ii
ISI KANDUNGAN	iii
RINGKASAN EKSEKUTIF	vi
BAHAGIAN I	1
1.1 LATAR BELAKANG ORGANISASI	1
1.2 FALSAFAH UTAMA JP LOGISTICS SDN. BHD.....	3
1.3 PERNIAGAAN JP LOGISTICS	4
1.4 PERKHIDMATAN JP LOGISTICS	4
1.5 PERKHIDMATAN YANG DIBERIKAN OLEH JP LOGISTICS SDN. BHD.....	5
1.6 FUNGSI JABATAN SUMBER MANUSIA.....	7
BAHAGIAN II	8
2.1 SISTEM YANG DILAKSANAKAN DI JP LOGISTICS SDN. BHD.....	8
2.1.1 SISTEM 5S	8
2.1.2 SISTEM PENGURUSAN SUMBER MANUSIA	18
2.1.3 SISTEM PENGAMBILAN PEKERJA (PENGREKRUTAN)	19
2.1.4 SISTEM PEMFAILAN (FAILING).....	21
2.1.5 SISTEM SIASATAN DALAMAN	22
2.1.6 SISTEM PAMPASAN DAN FAEDAH LAIN	30
2.1.7 SISTEM KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJA.....	31

2.2 PENGENALPASTIAN MASALAH ORGANISASI.....	32
2.2.1 KEKURANGAN KAKITANGAN DI JABATAN SUMBER MANUSIA ...	32
2.2.2 KEBAJIKAN PEKERJA KURANG DIAMBIL KIRA DARIPADA JABATAN SUMBER MANUSIA	33
2.2.3 PEMBAYARAN GAJI BAGI KERJA LEBIH MASA PADA HARI CUTI AM DAN PADA HARI MINGGU TIDAK MENGIKUT AKTA PEKERJAAN 1955.....	33
2.2.4 PIHAK SYARIKAT TIDAK MEMBUAT SEBARANG MAJLIS TAHUNAN UNTUK PARA PEKERJA	34
2.2.5 PARA PEKERJA DI SYARIKAT INI TIDAK DIGALAKKAN MENYERTAI KESATUAN SEKERJA	35
2.3 CADANGAN MENGATASI MASALAH	36
2.3.1 ORGANISASI PERLU MENAMBAH KAKITANGAN DI JABATAN SUMBER MANUSIA	36
2.3.2 KEBAJIKAN PEKERJA PERLU DITITIKBERATKAN OLEH JABATAN SUMBER MANUSIA	37
2.3.3 PEMBAYARAN GAJI BAGI KERJA LEBIH MASA PADA HARI CUTI AM DAN PADA HARI MINGGU PERLU MENGIKUT AKTA PEKERJAAN 1955.....	38
2.3.4 PIHAK SYARIKAT PERLU MEMBUAT MAJLIS TAHUNAN UNTUK PARA PEKERJA.....	38
2.3.5 PIHAK SYARIKAT PERLU MENGGALAKKAN PEKERJA MENYERTAI KESATUAN SEKERJA	39

BAHAGIAN III	40
PENUTUP.....	40

RUJUKAN

LAMPIRAN

RINGKASAN EKSEKUTIF

Latihan industri merupakan satu kursus penting bagi program Sarjana Muda Polisi dan Sekitaran Sosial di Fakulti Pengurusan dan Ekonomi (FPE), Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia (KUSTEM).

Objektif Latihan Industri dijalankan untuk mendedahkan pelajar kepada dunia pekerjaan yang sebenar. Pelajar akan di tempatkan di agensi-agensi tertentu dan tidak di hadkan kepada agensi kerajaan sahaja kerana pelajar juga boleh ditempatkan di Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) seperti di sektor perindustrian dan perkilangan (PRAINDUSTRI) dan juga sektor swasta yang lain. Program ini bertujuan untuk memenuhi keperluan pengijazahan bagi program Ijazah Sarjana Muda Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial di Fakulti Pengurusan Ekonomi sebelum pelajar menamatkan pengajian masing-masing.

Tempoh yang ditetapkan bagi penuntut program Pengurusan Polisi dan Sekitaran Sosial adalah selama 12 minggu di mana dalam masa yang sama pelajar akan dinilai tahap prestasi mereka oleh majikan iaitu Penyelia Organisasi dan pensyarah KUSTEM seterusnya hasil ini akan diambil kira dalam menentukan Purata Markah Keseluruhan pelajar.

Antara tujuan utama Latihan Industri ini sebenarnya adalah untuk memberi pendedahan secara menyeluruh kepada pelajar agar dapat menambahkan pengetahuan

serta pengalaman dan sekali gus akan meningkatkan kecekapan pelajar itu sendiri melalui kemahiran-kemahiran yang telah dipelajari semasa Latihan Industri dijalankan. Pelajar juga dapat mempraktikkan teori yang dipelajari di dewan kuliah semasa menjalankan Latihan Industri.

Pelajar juga akan memperoleh pengalaman dan pengetahuan yang amat berguna sepanjang menjalani Latihan Industri. Pelajar juga dapat mempelajari sedikit sebanyak pengalaman untuk membangunkan organisasi. Melalui Latihan Industri ini juga membolehkan para pelajar mencari kekuatan dan kelemahan yang wujud dalam pengurusan sesebuah organisasi seterusnya mencari jalan penyelesaian kepada permasalahan atau kelemahan yang timbul.

Keseluruhan kajian yang dijalankan bertujuan untuk meneliti pentadbiran serta fungsi yang dimainkan oleh Jabatan Sumber Manusia di Johor Port Logistics Sdn. Bhd. sekali gus dapat membantu pelajar menimba pengetahuan dan pengalaman dalam bidang pekerjaan sebenar.